



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.8/ 2018

SISTEM PILIHAN RAYA MALAYSIA TELUS DAN ADIL

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menegaskan bahawa sistem pilihan raya yang diamalkan di negara ini adalah telus dan adil serta tidak sepertimana yang digambarkan oleh pihak tertentu. Sikap pihak tertentu yang mempertikaikan ketelusan sistem pilihan raya menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) ini dianggap satu usaha propaganda yang cuba mengelirukan rakyat dan pengundi.
2. Untuk pengetahuan, pada PRU13 yang lepas, SPR telah menjemput pemerhati pilihan raya antarabangsa daripada beberapa negara dan juga melantik wakil-wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan sebagai pemerhati.
3. Pada PRU14 ini juga, SPR akan menjemput pemerhati-pemerhati pilihan raya untuk meninjau ketelusan proses pilihan raya. Mereka ini terdiri daripada pemerhati tempatan dan juga luar Negara.
4. Pemerhati tempatan terdiri daripada wakil-wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana organisasi tempatan yang layak serta berkecuali dan tidak berpihak kepada mana-mana parti politik. Manakala pemerhati antarabangsa pula terdiri daripada pelbagai Negara yang mewakili Negara-Negara Komanwel, ASEAN dan lain-lain.

